

TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA


Perkara : KPT

TAJUK ARTIKEL : ZAMBRY UCAP TAHNIAH KONTINJEN POLYCC RAIH 14 PINGAT FIRA ROBOWORLD CUP

SUMBER : BERNAMA - 25 JULAI 2026

Zambry Ucap Tahniah Kontinjen POLYCC Raih 14 Pingat FIRA Roboworld Cup

🕒 25/07/2026 11:06 AM



KUALA LUMPUR, 25 Julai (Bernama) -- Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir mengucapkan tahniah kepada kontinjen politeknik dan kolej komuniti (POLYCC) Malaysia yang berjaya meraih 14 pingat pada pertandingan 31st FIRA RoboWorld Cup & Summit 2026 di Kanada baru-baru ini.

Menerusi hantaran di laman Facebook hari ini, beliau berkata kontinjen negara berjaya melangkaui jangkaan dengan membawa pulang enam pingat emas, lima perak dan tiga gangsa.

Katanya kejayaan itu membuktikan bahawa bakat, kemahiran dan keupayaan anak-anak Malaysia, khususnya dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), mampu bersaing serta mencipta kecemerlangan di pentas antarabangsa.

"Pencapaian ini bukan sekadar kemenangan dalam pertandingan robotik, malah menjadi bukti bahawa ekosistem TVET negara terus melahirkan modal insan berkemahiran tinggi, inovatif dan berdaya saing di peringkat global.

"Syabas kepada semua yang terlibat. Terus kan melakar kecemerlangan dan mengangkat nama Malaysia di persada dunia," katanya.

Dalam pertandingan yang berlangsung di Ontario pada 17 hingga 21 Julai lepas, kontinjen POLYCC yang terdiri daripada wakil Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS), Politeknik Port Dickson (PPD) dan Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS), bertanding dalam kategori HuroCup, FIRA Air dan Autonomous Car Challenge.

Kontinjen itu berjaya memperbaiki pencapaian pada edisi 2025 di Korea Selatan yang membawa pulang lima pingat emas, tiga perak dan lima gangsa.

-- BERNAMA